SYARIAH CASE

Tengku Puteri Zainah bte Tengku Eskandar lwn Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak

MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (KUALA LUMPUR) — KES MAL 6/93
AHMAD IBRAHIM, ABDULLAH ABU BAKAR DAN ABDUL MUNIR YAACOB HHMRS
2 APRIL 1998

Undang-Undang Islam *— Muta'ah dan harta sepencarian — Tuntutan muta'ah selepas perceraian — Persoalan tentang kadar muta'ah — Prosedur dakwaan dan beban pembuktian — Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 s 56 — Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 14 k 18(1)*

Dalam kes ini perayu (plaintif) dan penentang (defendan) telah berkahwin pada 15 Julai 1976 di Kuala Lumpur dan mempunyai empat orang anak hasil dari perkahwinan itu. Pada 27 April 1987, penentang telah menceraikan perayu dengan satu talaq dan perceraian itu telah didaftarkan pada 21 Mei 1987. Selepas itu penentang telah membuat beberapa cadangan mengenai nafkah dan pelajaran anak-anak mereka dan juga telah menawarkan sebanyak RM36,000 sebagai muta'ah. Perayu tidak menerima kebanyakan tawaran tersebut sebaliknya menuntut RM5 juta sebagai muta'ah.

Penentang di dalam penyata pembelaannya menyatakan bahawa muta'ah sebanyak RM5 juta yang dituntut oleh pihak menuntut adalah satu amaun yang tidak diterima akal dan tidak berpandukan ajaran Islam. Pada 3 Ogos 1992, perayu telah memberi notis permohonan memohon penentang menyenaraikan secara terperinci butir-butir semua harta alih dan tak alih miliknya. Permohonan itu telah didengar oleh Hakim Mahkamah Kadi Besar pada 27 Ogos 1992.

Mahkamah memutuskan bahawa pihak yang menuntut berkewajipan membuktikan kepada mahkamah tentang kemampuan pihak kena tuntut dari pendapatan dan pemilikannya. Permohonan tersebut ditolak oleh mahkamah kerana yang didakwa berlawanan dengan syarat perkara yang didakwa menurut acara dan beban pembuktian dalam undang-undang Islam. Kemudiannya perayu membuat rayuan.

Diputuskan, menolak rayuan perayu:

Mahkamah memutuskan sebaik-baik cara muta'ah ialah dengan persetujuan kedua-dua bekas suami dan isteri, jika tidak terdapat persetujuan, maka hakim akan menentukan kadar muta'ah dengan mengambil kira kedudukan yang kena tuntut dan yang menuntut. Mahkamah juga menyatakan pihak menuntut perlu memberikan butiran-butiran tuntutannya. Mahkamah bersetuju dengan keputusan Hakim Mahkamah Kadi Besar dan rayuan ditolak (lihat ms 63A–B, I).

Nota-nota

Bagi kes-kes muta'ah dan harta sepencarian, lihat 8 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan-perenggan 351–352.

Kes-kes yang dirujuk

Hefzur Rahman v Shamsun Nahar Begum (1995) Dhaka Law Reports 54 (dirujuk)
Jinah v Abdul Aziz (1987) 6 JH 344 (dirujuk)
Mohamad Ahmad Khan v Shah Banu Begum AIR 1985 SC 945 (dirujuk)
Norizam v Halim Azman (1993) 10 JH 65 (dirujuk)
Noor Bee v Ahmad Sanusi (1978) 1 JH (2):63 (dirujuk)
Normaidiah v Azhari 1979 1 JH(2):91
Ramlah v Muhammad (1980) 1 JH (2):77 (dirujuk)
Rokiah v Mohamad Idris (1986) 6 JH 272 (dirujuk)
Sharifah v Zainal Alam (1978) 1 JH (1):93 (dirujuk)
Tengku Anun Zaharah v Dato Dr Hussein (1980) 3 JH 125 (dirujuk)
Yang Chik v Abdul Jamal (1986) 6 JH 146 (dirujuk)
Zawiyah v Ruslan (1980) 1 JH (2):102 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 s 56
Algeria Code of Personal Status 1984
Egypt Code of Personal Status 1985
Enakmen Kanun Prosedur Mahkamah Syariah Selangor s 60
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Selangor 1952 s 93
Jordan Code of Personal Status 1976
Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 14 k 18(1), (3)
Kompilasi Hukum Islam Indonesia
Kuwait Code of Personal Status 1984
Matrimonial Causes Act [UK]
Morocco Code of Personal Status 1957
Syria Code of Personal Status 1953

Sulaiman Abdullah (*Zain & Co*) bagi pihak perayu.
Razif Tan Sri Zahir (*Zaiton Osman & Co*) bagi pihak penentang.

Ahmad Ibrahim HMRS (menyampaikan penghakiman mahkamah): Dalam kes ini perayu/plaintif dan penentang/defendan telah berkahwin pada 15 Julai 1976 di Kuala Lumpur dan mempunyai empat orang anak dari perkahwinan itu. Pada 27 April 1987, penentang telah menceraikan perayu dengan talaq satu dan perceraian itu telah didaftarkan pada 21 Mei 1987. Selepas perceraian itu penentang telah membuat beberapa cadangan mengenai nafkah dan pelajaran anak-anak mereka, dan juga telah menawarkan sebanyak RM36,000 sebagai muta'ah. Perayu telah enggan menerima kebanyakan tawaran itu, malah dalam pernyataan tuntutan,

beliau telah menuntut RM5,000,000 (lima juta ringgit) sebagai muta'ah. Dalam afidavit beliau, perayu telah melampirkan salinan penyata gaji penentang yang menyebutkan gaji bulanannya ialah RM16,000. Penentang telah memfailkan penyata pembelaan pada penyata tuntutan itu, di mana mengenai tuntutan muta'ah beliau menyebut:

> Pihak kena tuntut menyatakan bahawa muta'ah sebanyak RM5,000,000 yang dituntut oleh pihak menuntut adalah satu amaun yang tidak boleh diterima akal yang siuman kerana tuntutan itu tidak berpandukan semangat dan jiwa ajaran Islam mengenai muta'ah. Pihak menuntut menggunakan cara membuat ukuran yang digunakan oleh masyarakat barat, sedangkan syarak membenarkan hanya apa yang makruf.
>
> Pihak kena tuntut seterusnya menyatakan bahawa beliau telah pun menawarkan sebanyak RM36,000 sebagai muta'ah yang makruf iaitu yang wajar, patut dan sesuai dengan kemampuannya sebagai pegawai kerajaan yang mendapat pendapatan tetap tiap-tiap bulan. Pihak kena tuntut menyatakan bahawa pihak menuntut tidak berhak mendapat muta'ah yang lebih banyak.

Pada 3 Ogos 1992, pihak perayu telah memberi notis permohonan yang antara lain memohon perintah-perintah seperti berikut:

> Bagi tujuan menentukan muta'ah, pihak kena tuntut menyampaikan kepada pihak menuntut dalam masa 14 hari satu afidavit yang menyenaraikan secara terperinci butir-butir semua harta alih dan tak alih dalam miliknya sendiri atau dalam milikan sebarang agennya atau pemegang amanahnya atau nomineenya dan dalam milikan isteri kedua pihak kena tuntut. Butir-butir tersebut hendaklah termasuk tarikh setiap harta tersebut diperolehi sama ada melalui pembelian, hibah, bekues, perwarisan atau apa-apa jua cara yang lain. Afidavit tersebut juga hendaklah menyenaraikan butir-butir mengenai wang tunai atau sebarang harta alih yang dihantar keluar dari Malaysia oleh pihak kena tuntut atau atas arahannya, dari tarikh perkahwinannya dengan pihak menuntut hingga tarikh afidavit tersebut.

Permohonan itu telah didengar oleh Hakim Mahkamah Kadi Besar pada 27 Ogos 1992 dan selepas beberapa tangguhan, telah diputuskan pada 7 Januari 1993. Kadi Besar telah menolak permohonan pihak perayu. Malangnya dalam kes ini, peguam-peguam syarie dalam hujah-hujah mereka lebih menekan soal acara dan beban pembuktian. Umpamanya peguam syarie bagi pihak menuntut telah berhujah:

> Apa yang dipohon oleh pihak menuntut adalah butir-butir berkenaan harta alih dan tak alih dalam milik pihak kena tuntut sendiri atau dengan ejen dan sebagainya. Adalah menjadi pendirian pihak menuntut bahawa beliau berhak di sisi undang-undang untuk mendapatkan maklumat-maklumat tersebut. Rujukan dibuat kepada s 93 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Selangor 1952, Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan s 60 Enakmen Kanun Prosedur Mahkamah Syariah Selangor. Peguam syarie bagi pihak kena tuntut pula telah merujuk kepada Al-Quran, hadith yang menyebut bahawa keterangan di atas pihak pendakwa dan sumpah atas pihak yang didakwa dan kes Saidina Ali mengenai tuntutan baju besinya, di mana diputuskan pihak mendakwa hendaklah memberi bukti-bukti.

Inilah yang menyebabkan hakim, dalam keputusannya, membincang soal acara dan beban pembuktian sahaja. Beliau telah merujuk kepada buku

A Dr Mahmud Saedon berjudul *Undang-Undang Keterangan Islam*. Beliau merujuk kepada apa yang disebut sebagai syarat-syarat perkara yang didakwa ialah: (i) hendaklah perkara yang didakwa itu bermungkinan berlaku atau munasabah sabitnya dari segi akal atau adat; dan (ii) hendaklah perkara yang didakwa itu diketahui dan dimaklumi; jika tidak diketahui maka tidak sah dakwaan itu. Di akhir keputusan beliau hakim B berkata:

> Dalam kes ini, pihak yang menuntut telah ditawarkan mutaah oleh pihak kena tuntut. Pihak menuntut tidak bersetuju dengan kadar yang ditawarkan itu dan tetap menuntut seperti yang dituntutnya sebanyak lima juta ringgit. Dalam hal ini, pihak yang menuntut berkewajipan membuktikan kepada mahkamah C tentang kemampuan pihak kena tuntut, baik dari segi pendapatan dan pemilikannya supaya dapat dipertimbangkan oleh mahkamah tuntutannya itu. Pihak menuntut mengaku beliau tidak mempunyai pengetahuan langsung atau memperolehi mengenai pemilikan dari pihak kena tuntut — Setelah meneliti dan mendengar hujah kedua-dua pihak maka mahkamah menolak permohonan itu kerana ia adalah berlawanan dengan syarat perkara yang D didakwa.

Apabila rayuan dikemukakan kepada kami, hujah peguam-peguam syarie juga berkisar kepada soal acara dan beban membukti. Nampaknya, apa yang diberi perhatian ialah cara membukti dan bukannya apa yang hendak dibuktikan.

E Apa yang dituntut dalam kes ini ialah muta'ah. Di dalam Al Quran disebut maksudnya:

> Dan isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat muta'ah (saguhati) dengan cara yang patut. Ini adalah tanggungjawab atas orang-orang yang bertaqwa. (Surah Al Baqarah (2): 241)

F Mengikut pendapat Imam Shafii, para isteri yang diceraikan setelah berlaku hubungan suami isteri wajib mendapat mutaah. Ini berlainan dengan pendapat Imam Malik dan pendapat Imam Abu Hanifah bahawa hukum muta'ah bagi wanita yang disebutkan itu adalah sunnat dan bukannya wajib.

G Seksyen 56 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan:

> Selain dari haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon muta'ah atau pemberian saguhati kepada Mahkamah dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa memerintahkan H suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut Hukum Syarak.

Sungguhpun mengikut mazhab Hanafi pembayaran muta'ah disebut sebagai sunnat dan bukannya wajib, terdapat banyak negara Islam yang mengikut mazhab Hanafi telah mulai memperuntukkan mengenai I pembayaran muta'ah. Di Mesir umpamanya pada tahun 1979 melalui perintah Presiden Mesir telah diadakan pindaan kepada undang-undang keluarga yang antara lainnya menuntut seorang suami yang menceraikan

isterinya membayar muta'ah. Undang-undang itu telah diputuskan tidak sah oleh Mahkamah Tinggi Perlembagaan pada 4 Mei 1985, tetapi kemudiannya dengan undang-undang No 100 tahun 1985, ia telah diluluskan oleh Dewan Undangan Mesir. Perkara 18b undang-undang itu telah memperuntukkan bahawa selain dari mendapat nafkah untuk masa iddahnya, seorang perempuan yang mana dalam perkahwinannya telah diadakan perhubungan kelamin dan kemudiannya suaminya telah menceraikannya bukan dengan kerelaannya dan tanpa apa-apa sebab dari pihaknya, berhak mendapat saguhati (muta'ah) yang ditentukan sekurang-kurangnya nafkah dua tahun, dengan mengambil kira kedudukan suami yang menceraikannya itu, dari segi kekayaan atau keupayaannya, keadaan perceraian itu dan tempoh perkahwinan itu. Suami yang mencerai itu boleh membayar saguhati itu dengan cara beransur-ansur.

Huraian kepada undang-undang itu merujuk kepada amalan di Mesir sebelum undang-undang baru itu diadakan, di mana undang-undang memberi hak perceraian kepada suami dan pembayaran muta'ah iaitu pembayaran saguhati dengan wang tidak diwajibkan ke atas seorang suami yang telah menceraikan isteri selepas penyatuan perkahwinan. Undang-undang pada masa itu hanya memberi kepada isteri yang diceraikan itu hak mendapat maharnya selepas penyatuan perkahwinan dan nafkah untuk masa iddah. Muta'ah dianggap sebagai perkara sunnat bukan wajib. Muta'ah bagi isteri yang dicerai pada mulanya dimaksudkan sebagai pemberian saguhati seperti yang disebut dalam Al-Quran, Surah Al-Baqarah ayat 226, maksudnya:

> Tidak kamu bersalah jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu bercampur dengan mereka atau sebelum kamu menetapkan mahar (mas kahwin) mereka. Walaupun demikian, hendaklah kamu memberi muta'ah (pemberian saguhati) kepada mereka yang diceraikan itu, suami yang senang memberi saguhati menurut ukuran kemampuannya, dan suami yang susah pula menurut ukuran kemampuannya, sebagai pemberian saguhati yang patut, lagi satu kewajipan atas orang-orang yang mahu berbuat kebaikan.

Hak seorang isteri mendapat muta'ah adalah wajib mengikut pendapat Imam Shafii, iaitu pembayaran muta'ah itu adalah wajib bagi seseorang isteri yang telah diceraikan oleh suami selepas penyatuan perkahwinan dan jika perceraian itu bukan disebabkan olehnya. Pendapat ini juga dilaporkan telah diperakukan oleh Ahmad b Hanbal, Ibn Taymiyyah, Malik dan Ibn Hazm.

Huraian itu juga menyebut bahawa pada masa sekarang, apabila akhlaq baik orang ramai telah merosot dan perasaan antara suami dan isteri telah terganggu, isteri yang telah diceraikan mungkin memerlukan bantuan selain dari apa yang dia terima sebagai nafkah iddah untuk mengatasi kesan perceraian. Pembayaran muta'ah boleh menolongnya dalam perkara itu dan jika pembayaran itu menjadi tuntutan, mungkin ia boleh mencegah perceraian-perceraian yang terburu-buru.

Teks peruntukan 186 di dalam undang-undang Mesir itu telah merujuk kepada panduan yang diberi dalam Al-Quran dan pendapat-pendapat ulama. Ia memerlukan hakim untuk memeriksa keadaan perceraian itu dan

A apa-apa penyalahgunaan hak perceraian itu. Jumlah muta'ah itu disebutkan tidak seharusnya kurang dari nafkah bagi dua tahun dan untuk meringankan kepada suami yang mencerai itu dia boleh membayar dengan ansuran. Ayat-ayat dalam Al-Quran yang menyebut tentang muta'ah tidak menetap jumlah yang maksima atau minima akan tetapi menyebutkan ia hendaklah diberi dengan makruf atau patut. Namun jika muta'ah yang B diwajibkan itu hendak dilaksanakan, ia perlu diadakan dengan cara menetapkannya. Sehubungan dengan itu, undang-undang di Mesir menyebut bahawa kadar muta'ah seharusnya tidak kurang dari nafkah bagi dua tahun.

Di Jordan, diperuntukkan jika seorang suami menceraikan isterinya C sewenang-wenangnya tanpa sebab yang munasabah, isteri itu boleh memohon kepada mahkamah mendapat ta'wid (ganti rugi) dan mahkamah boleh memberi ganti rugi tidak melebihi nafkah untuk setahun, selain dari nafkah iddah dan tertakluk kepada kedudukan kewangannya. Suami itu boleh diminta membayarnya secara tunai atau dengan ansuran (Jordan Code of Personal Status 1976).

D

Di Syria, diperuntukkan apabila seorang mencerai isterinya, jika qadi berpuas hati bahawa orang itu telah membuat demikian dengan sewenang-wenangnya dan tanpa sebab yang munasabah dan oleh kerana perceraian itu, isteri itu telah mengalami kerugian dan menjadi papa, qadi itu boleh membuat keputusan — dengan mengambil kira kedudukan kewangan E suami dan banyaknya penderitaan isteri — bahawa suami itu hendaklah membayar ganti rugi tidak lebih dari nafkah untuk tiga tahun, selain dari nafkah iddahnya. ganti rugi itu hendaklah dibayar secara tunai atau dengan ansuran seperti yang dikehendaki oleh keadaan kes itu (Syria Code of Personal Status 1953 as amended in 1975).

F Di Kuwait, diperuntukkan apabila tamatnya suatu perkahwinan, selepas persedudukan sebagai suami isteri, isteri selain dari nafkah iddahnya, berhak mendapat ganti rugi tidak lebih dari nafkah untuk setahun, mengikut kedudukan kewangan suami, yang hendaklah dibayar dengan ansuran tiap-tiap bulan selepas tamat iddah, kecuali jika pihak-pihak yang berkenaan bersetuju sebaliknya mengenai jumlah yang perlu G dibayar dan jadual pembayarannya. Peruntukan itu tidak terpakai dalam kes-kes: (a) pembubaran perkahwinan kerana kepapaan suami; (b) pembubaran perkahwinan kerana penganiayaan pihak isteri; (c) talaq atas permintaan isteri; (d) pembubaran oleh mahkamah atas permohonan isteri; dan (e) kematian mana-mana pihak (Kuwait Code of Personal Status 1984).

H

Di Algeria, diperuntukkan jika qadi memutuskan bahawa suami telah menyalahgunakan kuasa cerainya, pihak qadi boleh menghukumkan ganti rugi untuk isteri yang berkenaan oleh kerana ketidakadilan suami terhadapnya. Jika dia berhak mendapat hak jagaan anak-anaknya, dia dan anak-anak itu hendaklah diberi tempat tinggal oleh suami itu mengikut I kemampuannya. Isteri tersebut akan hilang haknya itu jika dia berkahwin semula atau bersalah atas berkelakuan buruk (Algeria Code of Personal Status 1984).

Di Maghribi, diperuntukkan bahawa seorang suami yang atas kehendaknya menceraikan isterinya, hendaklah memberi muta'ah mengikut keadaan kewangannya dan taraf isteri itu (Code of Personal Status 1957). A

Di India, dalam kes *Mohamad Ahmad Khan v Shah Banu Begum* AIR 1985 SC 945, di mana seorang suami menceraikan isteri dan telah membayar mahar dan nafkahnya semasa waktu iddah, telah mendakwa dia tidak lagi bertanggungjawab untuk membayar nafkah di bawah s 125 Kanun Acara Jenayah India. Dia mendakwa dia telah dikecualikan dari s 125 Kanun Acara Jenayah itu kerana di bawah undang-undang Islam, dia tidak lagi bertanggungjawab kepada isteri yang diceraikan itu selepas dia telah membayar mahar dan nafkah iddahnya. Peguam bagi pihak isteri yang diceraikan itu telah merujuk kepada al-Quran, surah al-Baqarah ayat 241 yang memperuntukkan bahawa, 'isteri-isteri yang dicerai berhak mendapat muta'ah (pemberian saguhati) sebagai satu tanggungjawab yang wajib atas orang-orang yang taqwa'. Dalam terjemahan ayat itu, 'muta'ah' disebut sebagai 'maintenance' (nafkah) oleh Abdullah Yusuf Ali. Mahkamah Agung India telah memutuskan bahawa ayat-ayat al-Quran yang dirujuk dalam kes itu tidak syak lagi telah menuntut seorang suami Islam membuat peruntukan atau memberi nafkah kepada isterinya yang telah diceraikan di mana hujah sebaliknya adalah berlawanan dengan keadilan yang diberi oleh al-Quran. Walau bagaimanapun, keputusan itu tidak diterima oleh sebahagian besar orang Islam di India dan kemudiannya pindaan telah dibuat yang memperuntukkan bahawa seorang perempuan yang diceraikan berhak mendapat 'peruntukan dan nafkah yang munasabah dan patut diberi dan dibayar pada masa iddahnya oleh bekas suaminya.' B C D E

Di Bangladesh, dalam kes *Hefzur Rahman v Shamsun Nahar Begum* (1995) Dhaka Law Reports 54, mahkamah telah merujuk kepada ayat 241 surah al-Baqarah dan memutuskan bahawa peruntukan al-Quran itu memberi kepada seorang perempuan hak mendapat muta'ah, iaitu nafkah dengan cara yang patut dari bekas suaminya dan menyebut bahawa peruntukan ini ialah mengenai jumlah nafkah dan bukan masa ia diberi. Sungguhpun ayat 228 surah al-Baqarah memperuntukkan seorang isteri yang dicerai hendaklah menunggu dalam iddah untuk masa tiga kali suci dari haid, ini adalah peruntukan yang lain. Oleh kerana itu, telah diputuskan bahawa seorang yang menceraikan isterinya adalah bertanggungjawab memberi nafkah kepada bekas isterinya itu selama dia belum berkahwin dengan orang lain. Jelaslah dalam kes ini, 'muta'ah' disamakan dengan 'nafkah' mengikut terjemahan 'muta'ah' yang diberi oleh Abdullah Yusuf Ali. F G H

Di Malaysia, telah terdapat banyak kes muta'ah yang telah diputuskan oleh mahkamah syariah. Di dalam kes dari Pulau Pinang, *Sharifah v Zainal Alam* (1978) 1 JH (1): 93, isteri yang telah dicerai menuntut muta'ah sebanyak RM2,000. Yang kena tuntut telah tidak menentang tuntutan muta'ah tetapi tidak bersetuju dengan kadar yang dituntut dengan alasan pendapatannya adalah kecil sebagai seorang pelayan pejabat yang mendapat gaji hanya sebanyak RM295 sebulan. Alasan itu telah disokong I

oleh ketua jabatannya. Haji Harussani bin Haji Zakaria, Kadi Besar, dalam keputusannya berkata:

> Saya dapati tidak ada sebab kenapa tuntutan ini tidak dibenarkan. Dengan tidak mengenepikan hakikat yang wujud, iaitu yang kena tuntut bukanlah dari golongan yang berpendapatan lumayan, atau mempunyai apa-apa harta, saya memerintahkan supaya (dia) membayar muta'ah sebanyak RM500.

Dalam kes *Noor Bee v Ahmad Sanusi* (1978) 1 JH (2): 63, Haji Harussani bin Haji Zakaria, Kadi Besar, dalam keputusannya berkata:

> Muta'ah bertujuan untuk menutup rasa malu yang dialami oleh isteri, menghindarkan fitnah dan sebagai asas untuk memulakan hidup bersendirian. Seorang isteri yang bercerai akan merasa malu dan mungkin pula menerima pra-sangka buruk dari masyarakat. Untuk menghilangkan pra-sangka buruk bahawa seorang diceraikan bukanlah kerana keaiban yang ada pada dirinya, maka itulah muta'ah diwajibkan ke atas suami. Seorang isteri yang lazimnya bergantung hidup kepada suami akan menghadapi kepayahan untuk melakukan kehidupan bersendirian.
>
> Dasar muta'ah adalah keredhaan kedua pihak, tetapi jika tidak tercapai persetujuan, maka penentuan dibuat oleh kadhi. Penuntuan kadar telah digariskan oleh syarak dengan nilai kedudukan kaya miskinnya suami dan sifat serta keadaan isteri. Sifat ialah perwatakan dan keadaan ialah kedudukan keluarga atau status keluarga dalam masyarakat. Kaya dan miskin ialah nilai semasa dari segi perolehan dan pemilikan. Harta sepencarian diluluskan oleh syarak atas dasar khidmat dan perkongsian hidup. Isteri mengurus dan mengawal rumahtangga, suami keluar mencari nafkah. Isteri, menurut syarak, berhak mendapat orang gaji dalam menguruskan rumahtangga, jika tidak, maka kerja memasak, membasuh dan mengurus rumah hendaklah dianggap sebagai sebahagian dari kerja yang mengurangkan tanggungan suami.
>
> Berdasarkan kepada kedudukan yang kena tuntut, Ahmad Sanusi berpangkat Leftenan pada waktu perceraian dengan pendapatan RM700 sebulan maka diperintahkan — membayar muta'ah sebanyak RM1,500.

Dalam kes *Ramlah v Muhammad* (1980) 1 JH (2): 77, Haji Harussani bin Haji Zakaria, Kadhi Besar, telah memerintah yang kena tuntut dalam kes itu membayar muta'ah atas kadar satu setengah bulan gaji setelah potongan iaitu enam ratus sembilan puluh lapan ringgit (RM698).

Dalam kes *Normaidiah v Azhari* (1979) 1 JH (2): 91, dalam keputusannya, Haji Harussani bin Haji Zakaria, Kadhi Besar, telah berkata:

> Tentang kadar (muta'ah) yang harus diberi, tidak ditetapkan oleh syarak tetapi diserahkan mengikut keadaan semasa seperti yang terkandung dalam ayat 236 surah al-Baqarah yang bermaksud 'Berilah kegembiraan (muta'ah) orang yang kaya secara kekayaannya dan orang yang miskin secara kemiskinannya iaitu menurut patut sebagai kewajipan atas orang-orang yang mahu berbuat demikian'.
>
> Penentuan kadar syarak mengarahkan ia'tibar terhadap keadaan kedua suami isteri, kaya atau miskin, dan kedudukan keluarga isteri dan keadaannya. Dalam kes ini, yang kena tuntut bukanlah seorang yang kaya tetapi tidak pula tergolong dalam golongan seorang miskin. Begitu juga kedudukan keluarga yang menuntut bukanlah orang yang ternama, keadaannya tidak pula kaya tapi juga bukan miskin.

Muta'ah yang diputuskan ke atas pihak kena tuntut ialah sebanyak RM1,000.

Dalam kes *Zawiyah v Ruslan* (1980) 1 JH (2): 102, isteri yang telah diceraikan membuat tuntutan, antara lain, bagi muta'ah sebanyak RM1,000. Dalam keputusanmya, Haji Harussani bin Haji Zakaria, Kadhi Besar, Pulau Pinang, menyebut:

> Pada asal syara', muta'ah digalakkan, tetapi jika berlaku pertikaian mengenai kadar muta'ah, maka hendaklah diselesaikan oleh mahkamah. Asas penentuan yang mesti diikuti ialah panduan ayat 236 surah al-Baqarah yang bermaksud 'Dan berilah muta'ah mengikut kadar yang kaya menurut kekayaannya dan yang susah dengan kesusahannya'. Pasangan dalam kes ini adalah pasangan yang sederhana.
>
> Beliau telah memutuskan suami yang menceraikan itu membayar RM700 sebagai muta'ah.

Dalam kes *Tengku Anun Zaharah v Dato Dr Hussein* (1980) 3 JH 125, pihak menuntut dan kena tuntut telah berkahwin pada 10 November 1973. Pada 2 September 1979, pihak kena tuntut telah menceraikan pihak menuntut dengan perantaraan surat, dilafazkan di rumah di hadapan dua orang saksi. Pihak menuntut antara lain telah menuntut wang muta'ah sebanyak RM25,200. Dalam kes ini, telah dihujahkan bahawa pihak menuntut telah bersama-sama berusaha, berkorban, berikhtiar dan menyumbangkan fikiran, lebih-lebih lagi memberi sokongan kepada pihak kena tuntut mendapat gelaran Dato', yang mana dia telah mendapat gelaran itu atas rayuan pihak menuntut kepada ayahandanya supaya suaminya mendapat gelaran sebelum dia berhenti bekerja dengan kerajaan. Pihak menuntut juga telah menolong pihak dituntut dalam perniagaan di mana dia telah berjaya. Kadhi Besar Selangor, Haji Arshad bin Haji Masjari telah mensabitkan tuntutan muta'ah sebanyak RM25,200. Beliau berkata atas tuntutan itu patut diberi pertimbangan yang sewajarnya berpandu kepada firman Allah di dalam surah Al-Ahzab ayat 49 yang bermaksud 'Senangkanlah oleh mu hati mereka dengan pemberian dan lepaskanlah dengan secara baik'.

Dalam kes *Yang Chik v Abdul Jamal* (1986) 6 JH 146, pihak menuntut telah menuntut dari bekas suaminya antara lain muta'ah sebanyak RM25,000. Shaikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, Kadi Besar Wilayah Persekutuan, telah memutuskan bahawa pihak menuntut berhak mendapat muta'ah dari bekas suaminya. Mengenai kadarnya beliau berkata:

> Untuk menentukan kadar muta'ah, saya telah meneliti pendapatan bulanan pihak yang kena tuntut dan mendapati pendapatan beliau lebih kurang dari RM1,330 sebulan. Setelah ditolak potongan-potongan, pendapatan bersih beliau lebih kurang RM736. Saya kira yang kena tuntut termasuk dalam golongan orang yang berpendapatan sederhana sahaja dan tuntutan muta'ah sebanyak RM25,000 ini adalah tidak munasabah. Syarak tidak menentukan kadar muta'ah, sekiranya terdapat perbalahan dalam kadar muta'ah maka kadi akan menentukan kadarnya dengan mengambil kira kedudukan yang kena tuntut dan yang menuntut. Oleh itu saya berpendapat bahawa muta'ah yang sesuai dan munasabah memandang kepada kedudukan yang kena tuntut dan yang menuntut ialah RM3,600.

Rayuan telah dibuat kepada Mahkamah Rayuan Syariah dan dalam keputusan jawatankuasa rayuannya telah berkata:

> Dalam kes ini, pihak menuntut telah meminta RM25,000 sebagai muta'ah. Pihak kena tuntut tidak bersetuju. Yang arifarif Kadi Besar berpendapat muta'ah yang sesuai dan munasabah memandang kepada keadaan yang kena tuntut dan yang menuntut ialah RM3,600. Beliau merujuk kepada kitab-kitab fiqh yang menyebutkan sekira tidak mendapat sepakat tentang kadar muta'ah maka kadi akan menentukannya. Di dalam perkara ini, rujukan boleh dibuat kepada ayat-ayat Al-Quran yang memperuntukkan maksudnya:
>
> (a) Hendaklah kamu memberi muta'ah kepada mereka iaitu suami yang senang menurut kemampuannya dan suami yang susah menurut ukuran kemampuannya, sebagai pemberian saguhati menurut yang patut (surah Al-Baqarah (2): 236).
>
> (b) Dan isteri-isteri yang diceraikan, berhak mendapat muta'ah (pemberian saguhati) dengan cara yang patut (surah Al-Baqarah (2): 241).

Dalam *Kitab I'anat al-Talibin* disebutkan maksudnya:

> Sekiranya kedua-dua (suami isteri) tidak bersefahaman tentang kadar bayaran muta'ah, kadhi hendaklah menilaikannya mengikut kadar bahagian yang ia berhak dengan mengambil kira kedudukan si suami dan keturunan dan sifat si isteri (*I'anat al-Talibin* juz 4 ms 357).

Yang arif Kadi Besar di dalam kes ini telah memutuskan bahawa muta'ah yang sesuai dan munasabah memandang kepada kedudukan kedua-dua pihak ialah RM3,600. Pihak merayu tidak dapat menunjukkan bahawa yang arif Kadhi Besar itu telah tidak menggunakan budi bicaranya dengan bijaksana, dan oleh kerana itu, kami menolak rayuan atas perkara itu.

Dalam kes *Jinah v Abdul Aziz* (1987) 6 JH 344, pihak menuntut yang telah diceraikan oleh suaminya telah menuntut antara lain muta'ah. Dalam keputusannya Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman, Kadi Besar, telah berkata:

> Pemohon telah menuntut muta'ah sebanyak RM15,000 dan penentang tidak bersetuju dan menolaknya. Pemohon dan saksi-saksi semasa mengemukakan keterangan kepada mahkamah tidak membuktikan dan tidak dapat meyakinkan mahkamah bahawa pihak penentang adalah seorang yang berkemampuan tinggi atau pihak penentang adalah seorang yang berpendapatan lumayan dan mempunyai harta-harta yang banyak dan sebagainya, bahkan pihak pemohon tidak dapat menolak keterangan pihak penentang yang sekarang beliau adalah seorang yang tidak berkemampuan lagi kerana beliau sedang tanggung berbagai beban hutang, baik sebagai penjamin atau sebagai sipiutang hukuman. Oleh sebab itu, mahkamah tidak dapat menimbang untuk meluluskan permohonan sebanyak RM15,000 ini sekalipun mahkamah berpendapat bahawa muta'ah (saguhati) dalam kes ini adalah wajib ke atas pihak penentang membayar kepada pemohon. Mahkamah kembali kepada kaedah hukum syarak apabila bertelagah di antara dua pihak bekas isteri dan bekas suami pemohon dan penentang dalam kadar muta'ah, maka kadi adalah berhak menentukannya sebagaimana yang tersebut dalam kitab *Mughni al Muhtaj* oleh Sheikh Muhamrnad Syarbini al Khatib ... .

> Pemohon menuntut saguhati sebanyak RM15,000 dan semasa gulungan hujah melalui wakilnya, telah bersetuju bahawa muta'ah itu dibayar sebanyak RM10,219.95 untuk membayar baki harga rumah di Taman Beringin, Kepong. Dalam hal ini, pihak penentang telah menyatakan bahawa RM10,000 telah diberi kepada pemohon untuk membayar harga rumah tersebut dan diakui oleh pihak pemohon. Rumah itu di atas nama pemohon, pihak penentang tidak menuntut apa-apa di atas rumah itu sedangkan ia telah memberi wang untuk membayar pendahuluan dan harga rumah itu mengikut kemajuan pembinaannya. Berdasar kepada fakta-fakta yang tersebut dan alasan-alasan daripada hukum syarak, maka inilah saya perintah ke atas (penentang) membayar muta'ah (saguhati) kepada pemohon sebanyak RM3,000.

Dalam kes *Norizam v Halim Azman* (1993) 10 JH 65, ta'lik telah dilafazkan oleh suami dan apabila isteri telah melanggar ta'lik itu, suami telah mendapat pengesahan perceraian di Mahkamah Kadi Kuala Lumpur. Kemudiannya, isteri telah menuntut antara lain muta'ah sebanyak RM10,800, dikira RM200 sebulan bagi tempoh perkhidmatan 54 bulan dalam perkahwinan itu. Mahkamah kadi telah menolak dakwaan pihak suami, yang kena tuntut, bahawa telah dipersetujui di hadapan guru agama tentera bahawa muta'ah yang perlu dibayar ialah RM200. Mahkamah telah meneliti kenyataan yang kena tuntut bahawa pendapatan bulanannya lebih kurang RM1,500–RM1,600 sebulan dan perbelanjaannya yang disenaraikan dihitung secara kasar RM1,400 sebulan. Kenyataan perbelanjaan itu tidak dipertikaikan oleh pihak yang menuntut. Pihak menuntut pula tidak dapat membuktikan kepada mahkamah kemampuan sebenar pihak kena tuntut. Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, Kadi Besar, dalam keputusan beliau telah berkata:

> Apabila tidak ada persetujuan atas kadar muta'ah di antara yang menuntut dan yang kena tuntut, maka kadi akan menentukan — Mahkamah setelah meneliti keterangan-keterangan daripada kedua-dua belah pihak, mahkamah berpuashati yang kena tuntut bukanlah seorang yang tergolong dalam golongan orang-orang hartawan tetapi beliau hanyalah seorang pegawai tentera yang berpendapatan sederhana sahaja. Dengan itu, permohonan untuk mendapat saguhati dengan kadar yang dituntut oleh yang menuntut adalah tidak munasabah dengan kedudukan dan keadaan kewangan yang kena tuntut. Dengan itu, mahkamah akan menentukan satu kadar yang lebih munasabah sebagai muta'ah yang harus dibayar oleh yang kena tuntut kepada yang menuntut.

Akhirnya, Kadhi Besar telah menghukum yang kena tuntut membayar muta'ah (saguhati) kepada yang menuntut sebanyak RM2,400. Sungguhpun rayuan telah dibuat kepada Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan, dalam perkara perkara lain rayuan tidak dibuat terhadap jumlah muta'ah itu.

Dalam kes *Rokiah v Mohamad Idris* (1986) 6 JH 272, pihak menuntut yang telah diceraikan oleh suaminya menuntut antara lain muta'ah (saguhati) selama perkahwinan 35 tahun 3 bulan dengan kadar RM100 sebulan berjumlah RM43,200. Dalam tuntutan itu, dikatakan itulah yang telah difardhukan oleh kadhi akan tetapi, dalam permulaan keputusannya Haji Yahya bin Darus, Pemangku Kadhi Besar Wilayah Persekutuan, telah

berkata 'Bagi pendapat saya pula, muta'ah tidak boleh dinilai dengan bayaran bulanan. Kita harus balik kepada erti muta'ah. Muta'ah ialah satu harta pemberian yang diwajibkan ke atas suami bagi isteri yang telah diceraikan oleh suaminya, dengan syarat, sebab perceraian itu bukannya disebabkan oleh isteri atau kedua-duanya sekali'.

Walau bagaimanapun, dalam penghakimannya beliau telah berkata:

> Setelah meneliti tuntutan dan jawapan serta keterangan saksi-saksi kedua belah pihak, maka jelaslah kepada mahkamah bahawa sebab-sebab berlaku perceraian ini bukanlah disebabkan oleh pemohon. Penentang yang tidak sabar dan penentang tidak mengadu kepada mana-mana mahkamah syariah untuk menuntut isterinya taat menurut saluran yang ditentukan. Oleh itu, mahkamah sabitkan tuntutan pemohon dan penentang wajib membayar muta'ah kepada pemohon.
>
> Dalam kes ini, pemohon menuntut muta'ah sebanyak RM43,200 mengikut keputusan kadhi semasa membuat pendaftaran cerai, tetapi penentang tidak bersetuju. Keputusan kadhi itu dibuat di atas tempoh isteri itu berkhidmat kepada suami. Muta'ah ialah harta yang wajib diberi oleh lelaki kerana diceraikan. Sebab-sebab perceraian bukan disebabkan oleh isteri seperti isteri murtad atau masuk Islam suami. Dalam kes ini, tidak ada sebab-sebab yang tersebut dan muta'ah sunat tidak kurang daripada 30 dirham dan tidak lebih daripada upah khadam dan tidak ada had bagi wajibnya.

Beliau telah merujuk kepada nas dari *Kitab Qalyubi wa Umairah* yang bermaksud (mengikut beliau):

> Adalah baik muta'ah tidak kurang daripada tiga puluh dirham dan kadar itu tidak boleh melebihi ke atas suami yang hamba, tetapi tidak ada had bagi kadar wajib.

Kemudian beliau berkata:

> Maka jika bertelingkah, kadi akan takdirkan mengikut pandangan dan ijtihadnya dengan mengambil kira kedua suami isteri, senang susah isteri, senang susah suami dan keturunan isteri dan sifatnya. Dalam kes ini, kedua pihak adalah sederhana sahaja. Dan muta'ah dalam kes ini ditakdirkan upah khadam — sekurang-kurangnya. Di dalam perbicaraan soal mahkamah terhadap pemohon, pemohon mengaku yang dia sendiri bertugas memasak, membasuh dan memelihara anak mengikut dan dia rela. Dia tidak tahu sebenarnya bukanlah tugas hakikatnya membuat kerja-kerja itu. Begitu juga penentang menyatakan tugas suami mencari nafkah, tugas isteri memelihara anak-anak, memasak, membasuh dan sebagainya. Jadi, kedua pemohon tidak tahu sebenarnya tugas masing-masing menurut hukum syarak.

Pemohon boleh menuntut hak khidmat kepada suami tetapi ia rela berkhidmat. Dengan kejahilannya ini, ia tidak menuntut dengan jelas kadar upah khadam pada satu hari sebagai upahnya. Dalam kes ini, mahkamah membuat penilaian khidmat pemohon kepada penentang dengan hitung panjang pada satu hari RM1, sebulan RM30 dan dalam satu tahun RM360. Jika 35 tahun 3 bulan dan 5 hari, jumlahnya ialah $12,695.

Apabila rayuan dibuat, Jawatankuasa Ulangbicara Wilayah Persekutuan telah memutuskan jumlah muta'ah yang diperintahkan dibayar adalah tidak munasabah dan telah ditaksirkan atas prinsip-prinsip yang tidak betul lalu dikurangkan kepada RM6,500.

Dalam penghakimannya, Jawatankuasa Ulangbicara itu menyebut:

> Sayangnya yang arifarifarif Kadhi Besar telah tersilap memberi makna kepada nas dari *Kitab Qalyubi wa Umairah* yang dipetik oleh beliau. Apa yang disebut di dalam kitab itu bermaksud arif — Dan dari segi syarak, muta'ah ialah satu harta yang wajib ke atas suami kerana mencerai dengan memenuhi syarat-syarat. Dan perpisahan bukan kerana isteri seperti suami menjadi murtad dan suami masuk Islam. Adalah baik muta'ah tidak kurang daripada tiga puluh dirham dan kadar itu tidak boleh menjadi beban ke atas suami yang menjadi khadam, tetapi tidak ada had bagi kadar wajib. Maka jika berlaku pertelingkahan, kadhi akan tentukan kadar mengikut pandangan dan ijtihadnya dengan mengambil kira keadaan suami isteri, senang susah suami dan keturunan isteri dan sifatnya.
>
> Sungguhpun kami difahamkan bahawa pembayaran RM1 sehari untuk masa perkahwinan sebagai muta'ah adalah amalan yang diikuti oleh mahkamah syariah di Singapura, kami dengan dukacitanya tidak memperolehi apa-apa nas untuk amalan itu dan ia nampaknya berlawanan dengan erti dan tujuan muta'ah, iaitu mententeramkan perasaaan isteri apabila dicerai. Sungguhpun yang arif Kadi Besar di dalam kes ini telah menggunakan budi bicaranya, kami rasa perlu mencampuri dan menetapkan apa muta'ah yang munasabah di dalam keadaan kes ini.'

Selepas merujuk kepada keputusan-keputusan yang telah dibuat dalam beberapa kes yang telah dilapor di Malaysia — 23 semuanya, beliau berkata:

> Memandang kepada aliran keputusan-keputusan di Malaysia, kami berpendapat di dalam kes ini kadar muta'ah yang diberi dalam kes ini iaitu RM12,695 adalah tidak munasabah, dan kami membenarkan rayuan balas dan mengurangkan kadar muta'ah kepada RM6,500.

Di Indonesia, diperuntukkan dalam Kompilasi Hukum Islam, mut'ah wajib diberikan oleh suami dengan syarat: (a) belum ditetapkan mahar bagi isteri yang belum dicampuri; dan (b) perceraian itu atas kehendak suami. Akan tetapi, mut'ah sunat diberikan oleh bekas suami tanpa syarat tersebut. Besarnya mut'ah disesuaikan dengan keputusan dan kemampuan suami.

Sebaik-baik cara mut'ah diberi ialah dengan rela hati suami yang menceraikan isterinya. Dalam *Tafsir al-Azhar* oleh Prof Dr Hamka, beliau telah merujuk kepada satu peristiwa iaitu apabila Sayidina Hassan bin Ali bin Abi Talib, cucu Rasulullah saw, menceraikan seorang isterinya beliau telah mengirimkan wang pengubat hati (muta'ah) isteri yang dicerai 10,000 dirham dan ketika menyampaikan wang itu beliau berkata, 'Hanya sedikit kiriman dari kekasih yang terpaksa berpisah'. Kemudian Prof Dr Hamka telah berkata:

> Adapun hikmahnya ialah supaya perceraian jangan menimbulkan bisik desus, gunjing dan umpat. Dan menjadi tanda bahawa si laki-laki adalah seorang yang halus perasaan, tidak membiarkan jandanya terlantar sesudah bercerai sampai dia mendapat suami lain atau jangan dia selama tinggal dengan orang tuanya menjadi beban berat kepada orang tuanya itu. Di dalam al-Quran ayat 241 surah al-Baqarah ditegaskan benar-benar bahawa ini adalah kewajipan bagi orang yang taqwa.

A Kemudiannya, cara yang baik ialah dengan persetujuan kedua-dua pihak bekas suami dan isteri itu dan akhirnya jika tidak terdapat persetujuan maka hakim akan menentukan muta'ah dengan mengambil kira kedudukan yang kena tuntut dan yang menuntut. Sungguhpun mungkin kita boleh mempertikaikan tafsiran yang dibuat di India dan Bangladesh iaitu muta'ah mengikut terjemahan yang diberi oleh Abdullah Yusuf Ali ialah nafkah, B akan tetapi, jelaslah muta'ah lebih dekat kepada nafkah dan bukan kepada pembahagian harta. Seksyen 56 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 juga jelas menunjukkan kaitan antara nafkah dan muta'ah apabila disebut 'Selain dari haknya untuk memohon nafkah, seorang perempuan yang dicerai tanpa sebab yang patut oleh C suaminya boleh memohon muta'ah atau pemberian saguhati dan mahkamah boleh memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.'

Tuntutan muta'ah di bawah s 56 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah) Persekutuan 1984, jauh bezanya dari tuntutan untuk pembahagian harta dua-dua pihak suami dan isteri di bawah D Matrimonial Causes Act di England di mana mahkamah boleh membuat perintah dengan mengambil kira pendapatan, keupayaan pendapatan, harta dan lain sumber kewangan yang masing-masing pihak kepada perhakiman itu mempunyai atau mungkin mempunyai di masa hadapan yang boleh diramalkan. Mungkin apa yang dipohon oleh perayu dalam kes ini boleh E dibuat di England untuk tindakan pembahagian harta akan tetapi ia tidak sesuai atau munasabah untuk tindakan mendapat muta'ah di bawah hukum syarak atau Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan).

Aturan 14 k 18(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 memperuntukkan mahkamah boleh memerintah sesuatu pihak supaya F menyampaikan pada pihak yang lain butir-butir mengenai apa-apa tuntutan, pembelaan atau perkara lain yang dinyatakan dalam pliding atau dalam mana-mana afidavit yang diperintah supaya menjadi sebagai pliding atau pernyataan mengenai perkara yang sebenar yang menjadi sandaran dan perintah itu boleh dibuat atas apa-apa terma yang difikir adil oleh G mahkamah. Di dalam kes ini, pihak menuntut telah memohon muta'ah (saguhati perceraian) sebanyak RM5,000,000, akan tetapi tidak memberi butir-butir tuntutan itu (lihat A 14 k 18(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980). Apa yang disebut ialah pendapatan pihak kena tuntut seperti di salinan penyata gaji di Lampiran A penyata tuntutan itu. Dalam penyata pembelaannya, pihak kena tuntut telah menolak tuntutan itu dan H menyebut beliau telah pun menawarkan sebanyak RM36,000 sebagai muta'ah yang makruf iaitu yang wajar, patut dan seandai daya kemampuannya sebagai pegawai kerajaan yang mendapat pendapatan tetap tiap-tiap bulan. Pada pendapat kami, perkara butir-butir berkenaan dengan harta alih dan tak alih dalam milik pihak kena tuntut atau dengan ejen dan sebagainya tidak timbul dalam surat-surat guaman dalam kes ini. Kami I bersetuju dengan keputusan hakim dalam kes ini yang menolak permohonan pihak menuntut dan oleh kerana itu kami menolak rayuan ini.

Kami harap kes berhubung perceraian ini yang telah bermula dari tahun 1987 dapat diselesaikan secepat mungkin. Kami harap hakim yang arif tidak lagi menerima rayuan sampingan kepada keputusan-keputusannya dan terus mendengar keseluruhan kes ini dan membuat keputusannya. Jika ada rayuan hendak dibuat, ini harus dibuat selepas keputusan dibuat bagi keseluruhan kes ini.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Mohamed Azam Mohamed Adil dan Rafeah Saidon